Ahli PKR Buat Aduan ROS Berhubung Pemilihan Parti Di Lapan Cabang Di Sarawak
Bernama
Aug 6, 2014

PUTRAJAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Satu aduan dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS) berhubung pemilihan PKR 2014 di lapan cabang parti di Sarawak iaitu di Miri, Lanang, Limbang, Mas Gading, Saratok, Selangau, Sibuti dan Lawas.

Aduan terhadap proses pemilihan yang berjalan April lalu itu dibuat oleh anggota PKR cabang Miri Hisham Haworth @ Hashim di pejabat ROS di sini.

Aduan itu berhubung beberapa bantahan dan penipuan yang didakwa berlaku semasa pemilihan itu, termasuk mengenai pengundi yang tidak dapat mengundi kerana didakwa sudah mengundi, serta tempat pengundian yang tidak sesuai kerana ia merupakan milik seorang daripada calon yang bertanding.

Bekas Pengarah Strategi PKR Johor Nor Azman Hashim memberitahu pemberita anggota parti di peringkat akar umbi kecewa kerana aduan itu telah dipanjangkan kepada Jawatankuasa Pemilihan Pusat sebelum ini namun tiada tindakan atau maklum balas diberikan sehingga kini.

Beliau berkata justeru tindakan melaporkan kepada ROS itu diambil bagi memberi isyarat yang jelas kepada pucuk pimpinan parti untuk memperjuangkan reformasi tulen, dan setiap laporan dan bantahan yang dibuat memerlukan tindakan segera daripada mereka.

"Perjalanan pemilihan ini dah berlangsung lebih dari tiga bulan dan sehingga kini masih belum dapat keputusan yang jelas. Lantaran itu kita mohon pihak parti ambil tindakan yang serius.

"Kita mengkritik parti bukan kerana kita tidak sayangkan parti, tapi untuk penambahbaikan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058386